

**NO. SOALAN: 451**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10446**

**SOALAN :**

**Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah serangan kumpulan pengganas DAESH / ISIS yang telah digagalkan pihak berkuasa tempatan sejak 2012 dan apakah rangka kerjasama strategik dimeterai dengan negara-negara kuasa besar bagi menentang keganasan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sejak tahun 2013 PDRM telah berjaya menggagalkan 18 percubaan untuk melancarkan serangan di negara ini. Melalui operasi-operasi tersebut, seramai 346 orang ditangkap kerana terlibat dengan elemen Daesh.**

**Kerajaan telah mengadakan kerjasama strategik dengan Australia, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Britain, China, Filipina, Indonesia, Singapura, Thailand dan beberapa negara lain dalam menangani ancaman kumpulan pengganas dengan mengumpul dan berkongsi maklumat risikan, perkongsian dan pertukaran kepakaran dan latihan serta bina upaya.**